

MAHATHIR - LAWATAN

(1)

DARI EFFENDI ARIFFIN

(198

WASHINGTON, 20 JAN (BERNAMA) -- LANGKAH MALAYSIA UNTUK MENINGKATKAN HUBUNGAN DENGAN AMERIKA SYARIKAT TIDAK AKAN DILAKUKAN HINGGA MENJEJASKAN IDENTITI BERKECUALINYA, KATA PERDANA MENTERI DATUK S E R H DR. MAHATHIR MOHAMAD.

BELIAUMEMBERITAHUPARA WARTAWAN YANG MEMBUATLIPUTAN LAWATAN RASMINYA KE AMERIKA SYARIKAT SEMALAMBAHAWA MALAYSIA ADALAH SEBUAH NEGARA YANG BERKECUALI DAN MENJADI ANGGOTA PERGERAKAN NEGARA-NEGARA BERKECUALI.

+KITATIDAK MAHU BERGADUH DENGAN AMERIKA SYARIKAT SEMATA-MATA KERANAKITAMENGANGGOTAI PERGERAKAN NEGARA-KEGARA BERKECUALIITU+, TAMBAH BELIAU.

+DI MANA KITA BOLEH BEKERJASAMA, KITA AKAN BEKERJASAMA TANPA MENJEJASKAN IDENTITI KITA+.

BELIAUBERKATABELIAU PUAS HATI DENGAN PERBINCANGAN-PERBINCANGAN YANG DIADAKAN DENGAN PARA PEMIMPIN AMERIKA SYARIKAT TERMASUK PRESIDEN RONALD REAGAN DI WHITE HOUSE DI SINI SEMALAM.

BELIAU DAN PRESIDEN REAGAN MENYENTUHISU PELARIAN VIETNAM DAN CARA-CARA BAGI MENYELESAIKAN MASALAH ITU. - - LAGI 1215/MB

ZCZC 0538

MAHATHIR - LAWATAN 2 WASHINGTON

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENJELASKAN BAHAWA PENGALIRAN KELUAR #RANG PELARIAN DARI VIETNAM AKAN BERTAMBAH SEKIRANYA MEREKA MERASAKAN BAHAWA MEREKA DAPAT MASUK KE NEGARA KETIGA SETELAH DATANG KE MALAYSIA.

+INI AKAN HANYA MENAMBAH MASALAH,+ TAMBAH BELIAU.

MENGENAI PEMBELIAN GETAH MALAYSIA OLEH AMERIKA SYAREKAT UNTUK STOK SIMPANANNYA, YANG APABILA DILEPASKAN AKAN MENJEJASKAN PASARAN, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BELIAU YAKLN AMERIKA SYARIKAT TIDAK AKAN MEMBELI SECARA BERLEBIHAN KERANA NEGARA INI JUGA HENDAK MEMBELI BANYAK BARANG LAIN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGABERUNDING DENGAN AHLI-AHLI PERNEGAAN TERKEMUKA DI AMERIKA DAN PARA ANGGOTA DEWAN PERNIAGAAN DI SINI DAN DI NEW YORK DIMANA MEREKA MENUNJUKKAN MINAT YANG TINGGI TERHADAP POTENSI PELABURAN DI MALAYSIA.

BELIAUMENSIFATKAN BAHAWA PADA KESELURUHANNYA LAWATAN BELIAU KE AMERIKA SYARIKAT SEBAGAI BERJAYA SAMBIL MENGATAKAN BAHAWA PARA PEMIMPIN AMERIKA MENGAKU MASALAH YANG DIHADAPI OLEH MALAYSIA UNTUK MEMBAWA PEMBANGUNAN KEPADA RAKYAT.

MENGENAI LAWATAN KE KANADA MINGGULALU, BELIAU BERKATA I A TELAH MEMBOLEHKAN BELIAU MENYAMPAIKAN PELUANG-PELUANG PELABURAN DI MALAYSIA KEPADA PERDANA MENTERI KANADA ENCIK PIERRE ELLIOT TRUDEAU DAN MENERATKAN HUBUNGAN ANTARA MALAYSIA DAN NEGARA ITU. - - LAGI 1220/MB

ZCZC 0539

MAHATHIR - LAWATAN 2 WASHINGTON

LAWATAN ITU JUGA MEMBUKA KEMUNGKINAN MENGHANTAR RAKYAT MALAYSIA KE BUTLER METALS COMPANY UNTUK MEMPELAJARI CARA-CARA MEMBUAT KOMPONEN-KOMPONEN BAGI PROJEK KERETA NASIONAL MALAYSIA.

SYARIKAT TERSEBUT ADALAH SEBUAH ANAK SYARIKAT KUMPULAN GUTHRIE DAN MENGELWARKAN KOMPONEN UNTUK INDUSTRI KERETA DI AMERIKA SYARIKAT DAN KANADA.

PERDANA MENTERI DIJADUAL MENGADAKAN DIALOG DENGAN KELAB UMNO WASHINGTON HARP INI DAN MENEMUI SETIAUSAHA NEGARA AMERIKA SYARIKAT ENCIK GEORGE SHULTZ.

BELIAU AKAN MENGAKHIRI LAWATANNYA KE AMERIKA SYARIKAT ESOK DAN BERLEPAS KE EROPAH UNTUK LAWATAN RASKP ME PERANCIS DAN SWITZERLAND DI IRINGI OLEH DATUK SERI DATIN PADUKA DR. SITI HASMAH DAN RONDONGAN MALAYSIA SERAMAI 20 ORANG. -- BERNAMA 1225/MB